

05/11/2000

Pembunuhan Dr Joe Fernandez luar biasa

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Hassan Ahmad; Wan Jailani Razak

LANGKAWI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan pembunuhan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Lunas, Dr Joe Fernandez, sebagai luar biasa kerana kejadian menembak wakil rakyat bukanlah amalan di Malaysia.

"Saya belum mendapat maklumat penuh mengenai perkara ini. Ini adalah kejadian yang amat sedih kerana bukan sesuatu yang menjadi amalan di Malaysia iaitu menembak orang begitu saja.

"Dulu semasa zaman darurat, ada juga kejadian seperti ini tetapi sudah lama tidak ada dan kita berasa sedih mengenai kejadian ini.

"Saya harap kita dapat maklumat yang penuh tentang apa sebenarnya yang menyebabkan peristiwa ini berlaku," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Beliau ditemui selepas menyaksikan acara Pertukaran Kebudayaan Kesenian dan Fesyen anjuran White Helmets Europe Foundation, di Hotel Andaman, di sini.

Ia adalah antara acara sempena Festival Kesenian Antarabangsa Langkawi (Lifa) selama 10 hari yang berakhir hari ini.

Dr Mahathir juga mengucapkan takziah kepada keluarga Dr Fernandez dan berharap mereka bersabar dengan kematiannya.

Dr Fernandez, 54, Timbalan Pengerusi MIC Kedah, ditembak di kepala dan badan di satu persimpangan jalan di Bukit Mertajam, Pulau Pinang, pada 2.30 petang semalam ketika berada dalam kenderaannya.

Beliau meninggal dunia di sebuah hospital swasta di Bukit Mertajam kira-kira sejam kemudian.

Mengenai keselamatan wakil rakyat berikutan kejadian berkenaan, Perdana Menteri berkata peristiwa itu adalah luar biasa dan perlu kajian terlebih dulu.

"Saya tidak fikir bahawa ini ditujukan kepada Adun... mungkin ada sebab-sebab lain saya tidak tahu," katanya.

Sementara itu, di Petaling Jaya, Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin malam semalam mengutuk pembunuhan Ahli Dewan Undangan (Adun) Lunas, Kedah, Dr Joe Fernandez, semalam.

Beliau yang juga ahli Parlimen Merbok berkata, pembunuhan itu tidak sepatutnya berlaku kerana ia bukan budaya masyarakat Malaysia.

"Kita kutuk sekeras-kerasnya pembunuhan itu. Ini bukan budaya kita," katanya kepada pemberita pada majlis Malam Amal Fitrah Perdana 2000 sempena ulang tahun ke-10 Darul Fitrah di Hotel PJ Hilton, di sini semalam.

Daim turut mengucapkan takziah kepada keluarga Dr Joe Fernandez.

Mengenai motif pembunuhan itu, Daim berkata:

"Kita perlu menyasat perkara itu. Selepas kita tahu barulah kita boleh ambil tindakan," katanya.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, yang terkejut dengan kejadian itu berkata beliau tidak tahu sama ada Dr Fernandez mempunyai sebarang masalah sehingga membawa kepada kejadian beliau ditembak mati.

"Setahu saya dia tidak ada masalah," katanya yang kali terakhir menemui Dr Fernandez ketika menghadiri majlis perkahwinan anak seorang ahli Exco Kerajaan Kedah, di Sungai Petani, kelmarin.

Beliau berkata, Barisan Nasional (BN) Kedah mengadakan mesyuarat malam tadi bagi membincangkan persediaan menghadapi pilihan raya kecil.

Bagaimanapun, beliau yakin berdasarkan rekod kecemerlangan BN dan Dr

Fernandez, BN mampu mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri Lunas.

Syed Razak yang turut mengucapkan takziah kepada keluarga mendiang berkata, Dr Fernandez menunjukkan kecemerlangan sebagai wakil rakyat sejak memenangi pilihan raya umum 1995.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, yang dihubungi Bernama di Rome kerana menghadiri satu persidangan antarabangsa di sana berkata, beliau amat terkejut dengan kejadian itu.

Katanya, Dr Fernandez adalah seorang wakil rakyat yang rajin untuk kepentingan orang ramai.

(END)